

27 JUN 2003

Idris-Semangat

TANAMKAN "SEMANGAT" PERHIMPUNAN AGUNG UMNO UNTUK RAMPAS TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 27 Jun (Bernama) -- Umno Terengganu perlu menerapkan "semangat" Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur baru-baru ini bagi memastikan tercapai matlamat untuk menewaskan PAS pada pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh berkata semua anggota Umno wajar menghayati semangat tersebut sebagai satu cetusan yang boleh menjadikan impian menjadi kenyataan.

"Pucuk pimpinan (di Perhimpunan Agung Umno) telah menggariskan banyak perkara sebagai asas penting bagaimana untuk kita semua melumpuhkan pengaruh PAS di Terengganu pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya ulangi, jika PAS lumpuh di Terengganu maka ia akan menyebabkan pengaruh mereka juga lumpuh di tempat lain...oleh itu ahli Umno perlu terus menggempur mereka," katanya kepada pemberita di sini.

Idris juga mengingatkan anggota Umno supaya mentafsir bentuk ancaman dalaman parti yang disebutkan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar pelbagai kelemahan akan lebih mudah diatasi.

"Kita kena ingat pesanan Presiden Umno kalau kita mahu menang pada pilihan raya umum akan datang," katanya.

Beliau berkata mereka sepatutnya lebih insaf bahawa Umno adalah sebuah parti yang menjadi tunjang kekuatan kerajaan serta orang Melayu dan ia mestilah dipertahankan dengan apa cara sekali pun.

Ditanya mengenai kenyataan beliau bahawa Terengganu menjadi kubu kepada pemimpin kanan PAS, Idris berkata perkara tersebut adalah satu kenyataan yang wajar difahami oleh setiap pemimpin dan anggota Umno.

Katanya, beliau mahukan semua pemimpin Umno memberikan tumpuan terhadap Terengganu dengan menggempur PAS habis-habisan.

-- BERNAMA

AYB ERE MOZ